

---

Title	Unsur-unsur seksis dalam Bahasa Melayu
Author(s)	Roksana Bibi Abdullah
Source	<i>Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu I bertemakan "Ke arah keseimbangan insan" , Singapura, 17 Julai 1998</i>

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

# **Unsur-unsur Seksis dalam Bahasa Melayu**

Roksana Bibi Abdullah  
Institut Pendidikan Nasional  
Universiti Teknologi Nanyang  
Singapura

## **1. Pengenalan**

Bahasa mencerminkan masyarakat penuturnya. melalui pertuturan dan bentuk bahasa yang kita ujkarkan, kebanyakan daripada ciri-ciri dan latarbelakang peribadi kita serta masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut dapat dinilai oleh orang yang mendengar atau mengkaji bahasa tersebut.

Unsur seksis dalam bahasa telah banyak dibincangkan oleh para sarjana yang mengkaji bahasa-bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain seperti di USA, Jerman dan Norway. Baru-baru ini, bahasa Cina juga telah dinilai oleh beberapa sarjana dan didapati terdapat banyak unsur-unsur seksis dalam bahasa Cina terutamanya bentuk bahasa Cina dalam zaman awal dahulu. Sebelum saya menatarkan dengan lebih lanjut tentang elemen-elemen seksis dalam pelbagai bahasa dengan memberi fokus kepada BM, terlebih dahulu, saya akan menghuraikan maksud atau definisi 'bahasa seksis' itu sendiri.

## **2. Bahasa Seksis**

Yang dikatakan bahasa seksis menurut tafsiran Anne Powells (1991), ialah bahasa yang membayangkan 'bias' atau sikap berat sebelah terhadap sesuatu genus. Pada kebiasaannya, menurut beliau sikap ini lebih cenderung kepada sikap tidak adil terhadap kaum wanita dan lebih mengutamakan kaum lelaki. Dalam bahasa, lelaki dianggap sebagai satu norma bagi bangsa manusia; sifat, tindakan, pemikiran dan kepercayaan mereka dianggap sebagai mewakili semua perkara yang berhubungkait dengan manusia secara amnya. Ini sebaliknya telah menjadikan kaum wanita seolah-olah 'ghaib' dalam bahasa dan penampilan mereka dianggap sebagai satu penyimpangan dari norma 'lelaki = manusia'

Unsur seksis dalam bahasa bermaksud penggunaan bahasa seperti kekata, frasa, ayat atau peribahasa yang memberi kesan atau konotasi yang negatif atau tidak baik terhadap sesuatu kaum iaitu kaum lelaki atau kaum wanita. Penggunaan bahasa yang begini akan mengekalkan stereotaip yang negatif dan nilai sosial yang secara umum merugikan atau merendahkan kaum yang tertentu.

Pam Peters (1990), mendefinisikan bahasa seksis sebagai bahasa yang membayangkan keadaan dunia yang sama ada mengeneipkan atau merendah-rendahkan sesuatu genus kaum. Menurut sejarah sosial, biasanya ianya merujuk kepada bahasa yang mengetengahkan dunia yang didominasi oleh kaum lelaki, di mana kaum lelaki seolah-olah dianggap sebagai manusia sebenar, sedangkan kaum wanita sebagai bayang-bayang yang melatari kehidupan.

Oleh kerana sikap 'bias' atau berat sebelah ini sering berlaku terhadap kaum wanita, maka definisi bahasa seksis juga menampakkan perbezaan atau perubahan di kalangan beberapa sarjana. Kristen Gomard ( 1995) contohnya, menyenaraikan ciri-ciri bahasa seksis sebagai :

- Bahasa yang memperlakukan atau menganggap kaum wanita dan kaum lelaki tidak simetri.
- Bahasa yang mengabaikan kaum wanita
- Bahasa yang mengutuk atau mengecam kaum wanita
- Bahasa yang menstereotaipkan golongan wanita ( sebagai golongan yang lemah, golongan yang harus berada di dapur atau sebagai surirumah dan sebagainya)

Sebelum unsur-unsur seksis dalam BM dibincangkan, beberapa contoh dari bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris akan dibentangkan agar ciri-ciri dan makna sebenar bahasa seksis akan dapat difahami dengan lebih jelas.

### **3. Unsur-unsur seksis dalam BI**

Dalam BI, unsur seksis ini dapat dilihat dalam pelbagai sudut. Di antaranya adalah :-

#### **3.1 Peringkat Kata**

Pemikir-pemikir feminis telah mencungkil banyak unsur-unsur seksis dalam BI di peringkat kata itu sendiri. Mereka juga telah mencadangkan kata-kata alternatif bagi menggantikan kekata yang mendukung elemen-elemen seksis tersebut. Contohnya:

**Kekata**

Chairman  
businessman  
founding fathers  
forefathers  
cameraman  
workman  
mankind  
man- made  
manpower

**Alternatif yang dicadangkan**

chairperson  
entrepreneur / executive  
founders / pioneers  
ancestors / forebears  
camera operator  
worker  
the human race / humanity  
artificial / manufactured  
work force

Di samping kekata di atas, terdapat juga kecenderungan menggunakan beberapa jenis **kata sifat** yang berbeza untuk kaum lelaki berbanding dengan kaum wanita. Dalam aspek kata begini, biasanya bentuk yang lemah dan yang mempunyai konotasi yang negatif digunakan untuk kaum wanita sedangkan yang berkonotasi positif dirujuk untuk kaum lelaki. Contohnya:

**Lelaki**

forceful  
strong  
assertive  
expressive  
angry  
firm  
cautious

**Perempuan**

pushy  
domineering  
aggressive  
emotional  
hysterical  
stubborn  
timid

Di samping itu, dari sudut semantik terdapat juga gejala penurunan taraf makna bagi kata-kata yang merujuk pada wanita sedangkan pasangan perkataan bagi lelaki tetap kekal maknanya tanpa sebarang peluasan makna yang negatif. Contohnya, kata-kata

seperti **master**, **mister** dan **sir** telah kekal maknanya tanpa sebarang derogatif sedangkan kata-kata yang merujuk wanita iaitu **miss**, **madam** dan **mistress** telah mengalami peluasan makna. **Miss** juga bermaksud 'prostitute' , **madam** bermaksud tuan punya rumah maksiat, dan **mistress** bermaksud perempuan simpanan. ( Gomard, 1995 : 8)

### **3.2 Peringkat Ayat**

Bagi peringkat ayat, biasanya kaum lelaki mendominasi segala bentuk yang merujuk kepada bentuk neuter di samping bagi merujuk genus lelaki itu sendiri. Contohnya:

*Somebody forgot **his** book.*

*A lecturer should prepare **his** class well.*

*A child learns **his** first words around the age one.*

Dalam ayat-ayat contoh di atas jelas dapat kita lihat ganti nama diri kepunyaan iaitu **his** yang merujuk genus lelaki digunakan sebagai unsur neuter apabila kata namanya tidak membayangkan sebarang rujukan genus.

Perkara ini telah mendapat perhatian beberapa sarjana bahasa , terutamanya yang memperjuangkan penggunaan bahasa yang tidak 'bias' pada mana-mana pihak. Dengan adanya kesedaran, kini lebih ramai pengguna bahasa Inggeris menggunakan bentuk jamak '**their**' atau dengan menggunakan kedua-dua unsur **his/her** bagi ayat di atas, iaitu:

*Somebody forgot **their** book.*

*Lecturers should prepare **their** class well. / A lecturer should prepare **his or her** class well.*

*Children learn **their** first words around the age one./ A child learns his or her .....*

Sebenarnya penggunaan bentuk jamak ini sememangnya telah digunakan dalam zaman awal dan kini bentuk ini digunakan semula kerana dapat menyelesaikan masalah keadilan ('equality'). (Hellinger, 1990). Di samping masalah keadilan, kejanggalan juga dapat dielakkan seperti yang dapat dilihat dalam ayat berikut:

Someone has left his make - up in the washroom.  
( Powels, 1991:37)

### **3.3 Stereotaip Terhadap Wanita**

Powels jua telah memetik beberapa ayat yang digunakan dalam ucapan-ucapan dan penulisan yang menampakkan stereotaip terhadap wanita, contohnya:

*A brunswick, mother of four has been appointed to the board Academics have wives and children to support'*

Contoh ayat di atas menunjukkan stereotaip peranan sesuatu kaum yang mengandaikan semua akademik adalah lelaki dan menunjukkan stereotaip terhadap wanita yang mana 'ibu kepada empat orang anak seharusnya tidak boleh memegang jawatan tertentu' .

### **3.4 Rujukan pada ciri/fizikal wanita dalam konteks yang tidak penting**

Cth: *The premier and his attractive blond wife.*  
(Powels : 56)

Jelas di sini bahwa rujukan pada ciri-ciri fizikal atau wajah perempuan dalam ayat tadi tidak relevan pada konteksnya.

Di samping bahasa Inggeris, bahasa-bahasa lain juga banyak menampakkan kewujudan unsur-unsur seksis di dalamnya. Di antaranya adalah bahasa Cina.

#### **4. Unsur-unsur Seksis dalam Bahasa Cina**

Dalam bahasa Cina juga, banyak unsur-unsur seksis dapat dilihat, terutamanya dalam istilah-istilah panggilan, bentuk-bentuk makian (bahasa lucu), dalam skrip-skrip bertulis, yang mana menurut Ng Bee Chin dan Kate Burridge, (1994), 90% daripada kata-kata yang wujud bagi merujuk atau yang berhubung kait dengan wanita yang radikal adalah sama ada secara semantikanya berunsur negatif atau memaparkan imej mereka yang stereotaip sebagai wanita 'jalang' yang 'merosakkan'.

Kedudukan wanita dalam masyarakat pada zaman dahulu juga dipaparkan dengan jelas dalam dua buku iaitu Lienuzhuan (*The Biographies of Women*) yang ditulis dalam zaman Han barat (206 S.M - 12 T.M) , dan Nujie' (*Admonishments for Women*) yang ditulis dalam zaman Han Timur ( 25-221 T.M). (Shih, 1984:213).

Ke dua-dua penulis buku tersebut memberi garis pandu yang begitu rigid / tegas tentang kelakuan moral yang perlu dipatuhi oleh wanita dan perlu dipelajari oleh semua kaum wanita serta memodelkan diri mereka berdasarkan pengajaran kedua-dua buku tersebut.

Perkara ini telah berpanjangan sehinggalah beberapa dekad yang lalu. Penulis-penulis buku yang kedua-duanya lelaki menekankan idea seperti '**nan**

***yiciang weigui , nu yi ruo weimei' yang bermaksud ' the value in man is strength, the beauty in women is weakness'***

Bagi kebanyakan kata nama dalam bahasa Cina bentuk kata untuk merujuk genus lelaki adalah sama dengan bentuk gender neutral; sedangkan bentuk bagi merujuk wanita adalah bentuk yang diderivasi dari gender neutral tersebut. Contohnya:

Neutral / lelaki	Maknanya	Wanita
	Maknanya	
yusheng	doktor	nu
yusheng	doktor wanita	
jingli	pengurus	nu jingli
	pengurus wanita	

(Shih,1984 & Farris, 1988)

Dalam memberi nama pada anak juga banyak menampakkan diskriminasi linguistik terhadap wanita. Ini adalah kerana kebanyakan nama mendukung konotasi 'masculine' atau 'feminine' yang sangat terserlah.

Nama-nama wanita biasanya diderivasi dari kata-kata yang berhubungkait dengan bunga, kecantikan, kelembutan; tetapi nama-nama lelaki membayangkan kejayaan, kemakmuran, kebesaran dan kepintaran. Contohnya:

Nama Wanita		Nama Lelaki	
<b>Pinyin</b>	<b>Makna</b>	<b>Pinyin</b>	<b>Makna</b>
mei	kecantikan	qiang	kegagahan
jing	kesenyapan	long	kemakmuran
fen	wangi	yao	kepintaran
yan	awan	chen	kejayaan

### **Rajah 1 - Makna Nama-nama Dalam Bahasa Cina**

Bagi nama gelaran wanita yang belum berkahwin dalam bahasa Cina juga menampakkan unsur Seksis. Bagi wanita Cina yang agak berumur tetapi belum berumahtangga, gelarannya ialah **laochunu** yang secara literalnya bermakna anak dara tua ('old virgin'), atau **ganmianbao** yang bermaksud roti yang kering ('dried-up bread'). Menurut Ng Chin Bee, kata-kata ini sangat-sangat negatif kerana memberi konotasi kepahitan, 'frigidity', kekecewaan dan tidak menarik.

Sebaliknya, istilah untuk orang lelaki yang belum berkahwin pula gelarannya ialah **wanglaowu** yang bermaksud 'old single eligible man'; ataupun **danshen han** atau **guang gun** yang secara literal bermaksud 'rod' atau 'pole' di mana kata tersebut membawa konotasi yang sangat positif dalam masyarakat Cina, iaitu konotasi status yang tinggi atau berdikari ('independence').

Dari contoh-contoh di atas, jelas bahawa status linguistik golongan wanita bergantung atau wujud daripada bentuk atau unsur lelaki yang autonomous. Dengan merelegasi wanita kepada 'dependent' atau tanggungan atau pada posisi subordinat, bahasa seksis menghalang penampilan wanita dan lelaki sebagai setaraf.

Persoalannya sekarang, adakah bahasa Melayu mengandungi elemen-elemen seksis di dalamnya? Setelah meninjau beberapa bentuk kata yang terkandung di dalam Kamus Dewan, kamus Peribahasa dan juga dari penulisan-penulisan beberapa karyawan, saya dapati memang terdapat banyak sekali unsur-unsur seksis, terutamanya dalam peribahasa Melayu. Oleh kerana terdapat banyak sekali peribahasa Melayu yang bersifat seksis, maka fokus utama saya adalah kepada aspek peribahasa.

#### **4. Unsur-unsur seksis dalam bahasa Melayu**

Sejauh ini, saya dapati belum banyak kajian yang serius yang dijalankan bagi mencungkil unsur-unsur seksis dalam bahasa Melayu. Salah satu yang pernah saya baca adalah hasil tulisan Teo Kok Seong (1996). Tulisan beliau yang mengatakan bahasa Melayu mempunyai unsur seksis telah disangkal pula oleh Sew Jhy Wee (1996) yang mendakwa bahawa tiada unsur seksis dalam bahasa Melayu.

Oleh itu, dalam kertas kerja ini, saya akan menyenaraikan peribahasa yang mempunyai unsur seksis dan menganalisis serta membincangkan maknanya agar kandungan unsur-unsur seksis di dalamnya dapat dipaparkan. Di samping itu, beberapa bentuk kata yang dikutip dari kamus dewan juga akan disenaraikan kerana mempunyai unsur yang negatif.

##### **4.1 Peribahasa Melayu**

Peribahasa, seperti yang kita ketahui, adalah susunan kata yang mempunyai pengertian yang tertentu

dan dalam. Kata-kata disusun dengan begitu indah bagi menyatakan hasrat atau pendapat serta nasihat secara terselindung. Biasanya makna asal yang disampaikan tidak dapat diperolehi secara literal dari peribahasa.

Perkara yang menjadi persoalan di sini ialah setiap kali wanita atau perkara-perkara yang berhubungkait dengan wanita digunakan untuk membentuk peribahasa, makna sebenar yang terkandung di dalam peribahasa itu kebanyakannya mempunyai komponen makna yang negatif atau yang merendahkan-merendahkan martabat wanita.

Di samping itu, jika makna yang ingin disampaikan pula berhubungkait dengan diri wanita, maka kata-kata yang dipilih bagi membentuk peribahasa tersebut pula yang mendukung makna yang negatif secara literalnya. Inilah yang saya maksudkan dengan kewujudan unsur-unsur seksis dalam peribahasa Melayu.

Di bawah ini, saya senaraikan peribahasa-peribahasa Melayu yang dianggap mempunyai unsur-unsur yang seksis.

### ● **Wanita Dilambangkan / Dibayangkan Sebagai Benda atau Perkara Yang Buruk**

#### ■ **Hendak memakan kecundang orang**

Hendak berkahwin dengan seorang perempuan janda bekas permainan orang.

#### ■ **Bagai biawak mengulangi bangkai**

#### ■ **Seperti anjing mengulangi bangkai**

#### ■ **Lalat langau mengerumuni bangkai**

Orang lelaki yang berhimpun / pergi ke rumah perempuan jahat.

- **Beban sudah di pintu**
- **Beban sudah dekat untuk dibawa.**  
Anak perempuan yang sudah patut dipersuamikan.
- **Bagai emak mandul baru beranak**  
Girang yang amat sangat ; kasih sayang yang terlalu amat.
- **Bagai cacing gila**  
Perempuan yang suka berpergian / bertandang.
- **Bagai harimau beranak muda**  
Orang perempuan yang terlalu bengis.
- **Jangan berebut-rebut tembikar pecah**  
Jangan berlawan atau berkelahi kerana seorang perempuan jalang yang tidak boleh memperbaiki tabiatnya dan tidak layak diperbuat isteri.
- **Meriba puan kosong**  
Berbinikan anak dara yang telah hilang manikamnya di dalam sulit ( yang telah binasa bikirnya).
- **Anjing mengulang bangkai**  
Laki-laki yang jahat mengulangi seorang perempuan jahat.
- **Permata cacat**  
Anak perawan yang telah binasa bikirnya.
- **Buah macang dimakan kelarah, di luar baik busuk di dalam**  
Orang perempuan yang sudah rosak, hanya di luar sahaja yang kelihatannya baik.

■ **Bersalai tidak berapi**

Perempuan yang belum bersuami, sudah mengandung.

■ **Berteras ke hujung dahan**

Suami yang tunduk di bawah perintah isteri.

■ **Dicecah orang bagi garam**

Perempuan yang baru saja kahwin lalu bercerai.

■ **Biduk satu nakhoda dua**

Perempuan yang menduakan suaminya; Suatu pekerjaan, dua kepalanya,.

■ **Bomoh mencari orang sakit**

Orang perempuan mencari suami ; ibubapa mengemukakan anak gadisnya.

■ **Bagai kena sentung pelalai**

Gadis yang tidak mahu bersuami.

■ **Bagai kucing takut akan balur**

Lelaki yang takut akan perempuan.

● **Streotaip Terhadap Wanita**

■ **Kasihkan anak, tangan-tangankan, kasihkan bini tinggal-tinggalkan**

Anak yang dimanjakan dan isteri yang diuliti selalu itu kesudahannya menaikkan kesombongan keduanya itu akhirnya kita menyesal.

■ **Bagai bunyi perempuan di air**

Ramai dan riuh sekali.

- **Bagai murai dicabut ekor**  
Perempuan yang suka bercakap banyak.
- **Bagai perempuan membawa perut**  
Orang yang buncit perutnya.
- **Bagai itik pulang petang**  
Berjalan lambat dan lamban (perempuan atau orang yang gemuk).
- **Ada wang abang sayang, tak ada wang abang melayang**  
Kasih sayang hanya kerana memandang harta
- **Seperti anjing yang sudah biasa makan tahi, bagaimana sekalipun diberi makan yang baik, hendak juga memakan tahi**  
Seorang perempuan yang sudah biasa membuat kejahatan itu payah hendak menghilangkan tabiatnya itu jika bagaimanapun diajar baik.
- **Kain dalam acar dikutip dicuci dia hendak ke longkang juga**  
Seorang perempuan yang biasa membuat kejahatan itu walau bagaimana sekalipun diajar baik tak akan hilang tabiatnya yang jahat itu.
- **Lidah perempuan itu ialah senjatanya yang tiada dibiarkannya berkarat**  
Perempuan itu bersenjatakan lidahnya, kerana semakin lama semakin bertambah fasih berkata-kata di dalam berbantah dan meleter dan lain-lain.
- **Senyum perempuan yang elok paras itu tangis kendi wang kamu (laki-laki)**

Kebanyakan laki-laki habis harta kerana perempuan yang molek rupa terutama perempuan jahat yang elok rupanya.

- **Merendah-rendahkan Martabat / Diri wanita**
- **Lesung mencari alu**
- **Telaga mendapatkan timba**
- **ulam mencari sambal**  
Perempuan mencari lelaki
  
- **Kepala rebah mata melayang, bantal bangkit main wayang.**
- **Mata tidur bantal berjaga**
- **Mata kejam bantal membuat ragam**  
Perempuan yang berbuat jahat ketika suaminya lepa.
  
- **Enau sebatang dua siginya.**
- **Pelesit dua sejinsang**
- **Gajah seekor gembala dua.**
- **Perahu satu dua nakhodanya**  
Seorang perempuan yang menduakan lakinya.
  
- **Berlaki anak semang**  
Perempuan yang buruk kelakuannya.
  
- **Bagai gagal menggonggong telur**  
Perempuan hodoh berpakaian bagus.
  
- **Umpama buah kepayang, dimakan mabuk dibuang sayang**  
Umpama seorang perempuan yang elok rupanya tetapi jahat pekertinya, dibuang sayang kerana keelokannya, tiada dibuang sakit hati kerana kejahatannya.

■ **Cerdik perempuan meleburkan, saudagar muda menghutangkan**

Menuruti orang yang belum panjang fikirannya itu acapkali mendatangkan kesusahan.

■ **Bagai anjing beranak enam**

Dikatakan kepada perempuan yang kurus sekali kerana melahirkan anak.

■ **Keli dua selubang**

Perempuan yang ada dua kekasih

■ **Beranak tiada berbidan**

Kesusahan yang diperoleh seseorang kerana kebodohnya.

■ **Leka sentiasa di lipatan sanggul, fikiran singkat akal pun tumpul**

Banyak berkurung dengan perempuan ialah perbuatan yang merosakkan fikiran yang sempurna dan menjadikan seseorang itu bodoh.

■ **Umpama si gadis jolong bersubang**

Hal kelakuan orang yang mengada-ngada oleh pendapat yang baharu umpama kekayaan, kebesaran dan sebagainya.

■ **Bagai anak dara mabuk andam**

Seseorang kelihatan lemah letih dengan tiada berpenyakit.

■ **Bagai anak dara sudah berlaki**

Anak perempuan yang tidak pemalu serta pemalas dan pengotor dan lagi panjang mata.

- **Terjerit-jerit bagai kucing biang**  
Perempuan yang tiada menyimpan diri dan suaranya.
- **Ternanti-nanti bagai berlakikan raja**  
Menantikan pertolongan orang yang banyak pekerjaannya, tentulah lambat.  
Seseorang yang berhajat kepada seseorang yang tiada sangat berkehendak kepadanya.
- **Dikembar seperti benang**  
Perempuan yang menduakan suaminya.
- **Enau mencari sigal**  
Perempuan mencari lelaki.
- **Janda belum berlaki**  
Gadis yang sudah ditinggalkan lelaki yang menjadi kekasihnya.
- **Rujukan Yang tidak Relevan Terhadap Wanita**
- **Membilang kepala bini, (orang bini-binian) beranak tak boleh disuruh**  
Pekerjaan yang tiada teguh dan tetap itu menambahi kerugian jua.
- **Menganggap Wanita Tidak Penting**
- **Hilang bini boleh dicari, hilang budi badan celaka**  
Hendaklah dipelihara akal di dalam kesempurnaan kerana ada ia pada kita adalah segala kebajikan dan apabila ia hilang, jinaklah segala kejahatan.
- **Jangan berkemudi di haluan**

Jangan tertakluk di bawah perintahan bini, atau perempuan.

■ **Timur beralih sebelah barat**

Lelaki menurut perintah perempuan

■ **Berkemudi di haluan bergilir ke buritan**

Bapa yang menurut rundingan anaknya, atau suami yang menurut perintah isterinya.

● **Rujukan Pada Wanita yang Tidak Diperlukan Dalam Konteks**

■ **Apa sakit berbini janda, anak tiri boleh disuruh**

Alasan yang berlawanan dengan maksud yang sebenarnya.

■ **Bagai menunjukkan ilmu kepada orang menetek**

Melakukan pekerjaan yang tiada gunanya.

■ **Bagai perempuan bunting mendapat idamannya**

Gembira kerana mendapat barang kesukaannya.

■ **Cerdik perempuan meleburkan, saudagar muda menghutangkan**

Menuruti orang yang belum panjang fikirannya itu acapkali mendatangkan kesusahan.

**Baik jadi ayam betina supaya selamat**

Tak usah kita menunjukkan keberanian kita kerana kelak mendatangkan kemudaratannya.

Dapat kita lihat dengan jelas dalam peribahasa yang diutarakan bahawa terdapat banyak sekali peribahasa-

peribahasa Melayu yang mempunyai unsur yang seksis. Di samping peribahasa, terdapat juga beberapa kata dan ayat contoh yang saya perolehi dari Kamus Dewan yang juga mempunyai unsur yang seksis.

#### **4.2 Ayat-ayat contoh dalam kamus Dewan yang mempunyai unsur seksis terbawa-bawa**

Mereka khuatir kalau-kalau anak gadis mereka yang hampir baligh terbawa-bawa oleh suasana yang tidak keruan.

##### **Mengasyikkan**

Rohani dengan baju yang pendek dan jarang begitu mengasyikkan kekasihnya.

##### **Menterbalikkan**

Suaranya boleh menterbalikkan iman seorang lelaki.

#### **4.3 Kata-kata dalam bahasa Melayu yang mempunyai makna yang seksis.**

##### **Bumiputera**

anak negeri , peribumi

##### **Jantan**

jantina yang tidak boleh membiak (beranak) ( untuk binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya)

- kiasan untuk orang yang berani, gagah
- kiasan- mempunyai sifat lelaki (besar , panjang dsb)

##### **betina-**

-lawan jantan (untuk binatang atau benda-benda yang tidak hidup)

- berkenaan perempuan - 'memang kau betina pisau cukur'

**bapa**

- ayah
- panggilan kepada orang tua sebagai tanda hormat
- perintis jalan, pelopor
- orang yang dipandang sebagai orang tua ( spt guru, ketua kampung,dsb)

**bapa ayam**

- ayam jantan
- bapa yang tidak mempedulikan anaknya

**ibu**

- orang yang melahirkan kita, emak
- panggilan hormat terhadap wanita yang telah berumur atau wanita yang bersuami.
- bahagian yang besar dari sesuatu

**ibu ayam**

perempuan yang memperdagangkan pelacur.

**5. Penutup**

Ramai yang cuba memperjuangkan bahasa yang non-seksis ini digelar sebagai 'facists' atau 'feminazis'. Namun begitu, Banyak usaha yang telah dijalankan terutamanya di Amerika syarikat, Canada. U.K , Norway Jerman dan lain-lain negara bagi menghapuskan seksisme daripada bahasa orang awam. Di Australia contohnya, kesedaran ini telah dimanifestasikan dalam beberapa cara , malah di peringkat pemerintah juga. Contohnya, Bahagian 86 (1)

dari Akta 1984 tentang diskriminasi seks telah dinyatakan dengan tegas bahawa adalah menjadi satu kesalahan untuk penggunaan bahasa yang mempunyai unsur diskriminasi dalam iklan-iklan bagi jawatan-jawatan kosong. Pemerintah Pusat (federal govt) dan pemerintah peringkat negeri juga telah menghapuskan unsur-unsur seksis daripada bahasa perundangan. Malah Jabatan Kerajaan telah memeperkenalkan garis panduan bagi bahasa yang non-seksis. Kini, pelbagai organisasi sektor awam dan privet telah mematuhi garis panduan bahasa yang tidak ada unsur seksis. Ini termasuklah badan penyiaran , Majlis Kesatuan peniaga Australia, institusi-institusi pendidikan dan pelbagai badan penerbitan dan pihak media.

Bagi bahasa Melayu juga, adalah menjadi tanggungjawab semua yang terlibat dalam penggunaan bahasa serta pencipta atau penggubal istilah agar sentiasa peka untuk menggunakan bahasa yang tidak mempunyai unsur yang seksis. Di antara perkara yang boleh kita lakukan buat masa ini ialah:

- Para penulis harus sentiasa peka agar pemaparan golongan lelaki dan wanita dalam karya mereka harus seimbang
- Elakkan dari menggunakan kata-kata yang mempunyai unsur yang seksis. Bagi kata **bumiputera** contohnya boleh digantikan dengan **peribumi**.
- Jika wanita dan lelaki mempunyai sifat yang sama atau mirip, maka kata sifat yang digunakan haruslah seimbang bagi merujuk diri mereka.

- Rujukan terhadap perwatakan, wajah, rupa seseorang haruslah dibuat hanya jika ianya relevan dalam konteks yang dibincangkan.

Dengan adanya usaha serta kerjasama dari semua pihak, dapat dipastikan agar penampilan linguistik bagi kedua-dua kaum (lelaki dan perempuan) yang seimbang dapat dicapai.

### BIBLIOGRAFI

- Gloria R. Poedjosoedarmo, 1997. " Gender and Correctness in language: Lessons from Java. Dalam **Awareness** , Singapore: Association of Women for Action and Research.
- Gomard, Kirsten 1995. " The (un)equal Treatment of Women in Language: A Comparative Study of Danish, English, and German. Dalam **Working Papers on Language, Gender and Sexism**. Vol. 5. No.1 .
- Lakoff, Robin , 1975. **Language and Woman's Place**. New York: Harper & Row.
- Ong Chye Wah, Zhuo Qiongyan dan George Jacobs, 1997. " Changes and Choices : The Case of Gender and English" Dalam **Awareness** , Singapore: Association of Women for Action and Research.
- Pauwels, Anne 1991. **Non Discriminatory Language**. Canberra: AGPS Press.
- Peters, Pam. 1995 **The Cambridge Australian English Style Guide**. Melbourne: Cambridge University Press.
- , (ed. ) 1990. **The Macquarie File Writers Guide**. Milton : Jacaranda.
- Teo Kok Seong, 1996. " Adakah Peribahasa Melayu Bersifat Seksis" dalam **Pelita Bahasa**. Jilid 8, bil 6. Kuala Lumpur: DBP
- Kamus Dewan Bahasa.